



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

2020 BULETIN MAQIS



JABATAN PERKHIDMATAN KUANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani, No.28, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya, Malaysia.

NOVEMBER

BULETIN @ MAQIS

MAQIS SITA 120 KOTAK EKOR LEMBU SEJUK BEKU DARI BRAZIL

BUTTERWORTH: Cubaan membawa masuk 120 kotak ekor lembu sejuk beku dari Brazil gagal selepas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas produk berkenaan di Pelabuhan Pangkalan Kontena Utara Butterworth (NBCT) pada Khamis.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Muhammad Ikram Abd Talib berkata, kontena yang membawa kesemua dagangan tersebut ditahan Maqis selepas mendapati penggunaan maklumat yang tidak tepat serta mengelirukan.



Pemeriksaan pihak Maqis mendapati, keseluruhan dagangan yang diimport adalah bahagian lembu seperti ekor lembu sejuk beku (frozen ox offal tail) seberat 3,000 kilogram, dianggarkan bernilai RM76,000.

Kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya sekali," katanya dalam kenyataan hari ini. – Astro Awani.

BULETIN @ MAQIS

GAGAL BAWA KELUAR SARANG BURUNG RM240,000 DALAM BAGASI

SEPANG – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) mematahkan cubaan membawa keluar sarang burung bernilai lebih RM240,000 melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) di sini, Sabtu lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Mohd. Sobri Md. Hashim berkata, pihaknya menyita 40 kilogram (kg) sarang burung yang cuba dibawa keluar seorang warga Vietnam dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).



“Sarang burung itu diletakkan di dalam dua buah bagasi dipercayai untuk dibawa ke Vietnam bagi tujuan perniagaan, namun perbuatan itu dikesan mesin pengimbas kastam.

“Barangan itu didapati tidak mempunyai permit eksport dan sijil kesihatan veterinar,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Tambahnya, perbuatan mengeksport hasil haiwan tanpa permit yang sah dari Maqis adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11 (2), Akta Perkhidmatan Kuarantin & Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), Akta sama. – Harian Kosmo.

BULETIN @ MAQIS

PRODUK TENUSU, TUNA DARI ARAB SAUDI TANPA PERMIT DIRAMPAS



PELABUHAN KLANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor merampas 432 kotak produk tenusu dan 300 kotak tuna dalam tin dari Arab Saudi di sini pada Isnin lalu.

Pengarah MAQIS Selangor, Mohd Sobri Md Hashim, berkata siasatan mendapati dagangan yang dibawa masuk itu bukan hanya tidak diikrar pada borang Kastam malah tiada permit import MAQIS.

"Siasatan kira-kira jam 3.30 petang itu mendapati, kontena terbabit membawa produk berkenaan yang bernilai RM45,000.

"Kesemua dagangan itu dirampas dari sebuah kontena ketika pemeriksaan rutin yang dijalankan di kawasan Pelabuhan Klang Barat.

"Siasatan juga mendapati, syarikat tempatan terbabit membawa masuk dagangan untuk pasaran tempatan dan ini kesalahan kali pertama dilakukan," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.



Katanya, kesemua barang dagangan ditahan untuk tindakan dan siasatan selanjutnya mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh disabitkan mengikut Seksyen 11 (3), Akta sama. – Berita Harian



BULETIN @ MAQIS

PAMERAN DAN PERSIDANGAN COCOTECH ANTARABANGSA KE-50 DI KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE (KLCC).

Kuala Lumpur, 7 November 2022 - Pameran dan Persidangan Antarabangsa COCOTECH 2022 kali ke-50 telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pertanian (1), Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

Antara negara peserta dan delegasi yang turut serta dalam persidangan ini adalah daripada Fiji, Philippines, Federated States of Micronesia, Guyana, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Kiribati, Marshall Islands, Papua New Guinea, Samoa, Solomon Islands, Sri Lanka, Thailand, Timor Leste, Tonga, Vanuatu, dan Vietnam.



MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK BAGI MENANGANI KESESAKAN DI TAMBAK JOHOR (BSI DAN KSAB)

Johor, 9 November 2022 - Satu mesyuarat telah diadakan di Bangunan Sultan Iskandar ICQ bagi menangani masalah kesesakan di Tambak Johor. Turut hadir sama Ketua Pengarah MAQIS, Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman.





BULETIN @ MAQIS

LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH MAQIS KE PINTU-PINTU MASUK MAQIS NEGERI PERAK

Perak, 31 Okt – 1 Nov 2022 – Lawatan Ketua Pengarah ke pintu-pintu masuk MAQIS negeri Perak iaitu Hutan Melintang, Lumut, LTSAS, ICT Ipoh dan ICQS Pengkalan Hulu bagi melihat sendiri dan memantau aktiviti pemeriksaan dan penguatkuasaan berjalan dengan lancar.



KURSUS PENGGUNAAN SISTEM iMAQIS

Negeri Sembilan, 2-4 November 2022 – Kursus penggunaan Sistem iMAQIS anjuran Bahagian Import Eksport dan Data MAQIS di Palm Hotel Seremban.



BULETIN @ MAQIS

SEMINAR PUSPANITA MAQIS

Putrajaya, 24 November 2022 – Seminar Tahunan Kesihatan anjuran Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA).



MESYUARAT JAWANTANKUASA PENYELARASAN BAGI KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN TAHUN 2022

Putrajaya, 24 November 2022 – Mesyuarat jawatankuasa penyelarasan bagi kuarantin dan pemeriksaan bagi tahun 2022 Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Mesyuarat ini telah melaporkan berhubung status semasa bagi aspek ketidakpatuhan di pintu masuk di bawah seliaan MAQIS.



BULETIN @ MAQIS

PROGRAM INISIATIF SARINGAN KESIHATAN KEBANGSAAN 2022

Selangor, 24 November 2022 – Program Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan 2022 anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia bertempat di Bilik Mesyuarat Stesen Kuarantin MAQIS KLIA.



PROGRAM PEMANTAUAN AKTIVITI IMPORT EKSPORT DAN JALINAN KERJASAMA MAQIS-PERHILITAN

Pulau Pinang, 17 November 2022 – Program Pemantauan Pematuhan Aktiviti Import, t Eksport dan Jalinan Kerjasama MAQIS-PERHILITAN di pintu masuk MAQIS Dermaga Air Dalam (DAD). Program diketuai oleh Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan MAQIS, Puan Siti Nur binti Ahmad dan dihadiri Pengarah Perhilitan Negeri Pulau Pinang, Puan Noraini binti Nasaruddin.



BULETIN @ MAQIS

MESYUARAT IMPORT EKSPORT BAGI HAIWAN, KARKAS DAN PRODUK HAIWAN

Kedah 14 November 2022 – Satu mesyuarat bagi membincangkan import eksport haiwan, karkas dan produk haiwan di sempadan Thai-Malay telah dijalankan oleh pihak MAQIS dan Department Livestock Development (DLD) Thailand di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam. Pihak DLD juga sempat melawat dan melihat proses import, semakan dokumen, pusat pemeriksaan bagi pemeriksaan pasca import dari Thailand.



BULETIN @ MAQIS

PAMERAN MAQIS DI KARNIVAL AGROMAKANAN KELUARGA MALAYSIA

Pahang, 12 November 2022 – Pameran booth oleh pihak MAQIS dilawati oleh Exco Pertanian dan Bioteknologi Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Ir. Haji Mohd Soffi bin Tan Sri Abd. Razak di Karnival Agromakanan Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Pahang.



KUNJUNGAN HORMAT KEPADA IMIGRESEN NEGERI JOHOR

Johor, 22 November 2022 – Kunjungan hormat Pengarah MAQIS Negeri Johor, Tn. Edie Putra Putra bin Md Yusof ke Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Johor, Tn. Baharuddin bin Tahir.



PROGRAM PELUPUSAN BARANGAN PERTANIAN YANG TELAH DILUCUT HAKKAN OLEH MAQIS SELANGOR

Selangor, 25 November 2022 – Proses pelupusan barangan pertanian yang telah dilucut hakkan menggunakan mesin incinerator. Pelupusan ini dilakukan oleh pegawai MAQIS KLIA dan Kerjasama daripada Bahagian Kejuruteraan Pertanian, Jabatan Pertanian.



SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:

SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN

Ketua Pengarah MAQIS

PENASIHAT:

DR. AZHARI SHARIDAN BIN ABU BAKAR

Timbalan Ketua Pengarah MAQIS

KETUA EDITOR:

MOHD NOOR BIN HASHIM

EDITOR:

MOHAMAD IZHAN BIN RAZAK



www.maqis.gov.my



[@maqismalaysia](https://www.instagram.com/maqismalaysia)



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani, No.28, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya, Malaysia.



Phone No : 03-8870 8000

Fax No : 03-8870 8056